



**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
DATO' DR JUHARI BIN AHMAD, D.I.M.P.,A.M.N.,S.I.S.,A.M.S  
TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS  
DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 5/2019  
29 MEI 2019, RABU  
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj  
Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil. 5 /2019 bagi bulan Mei** pada pagi yang berbahagia ini.

## **PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1440H/2019M**

1. Pertamanya, ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pemberian Insentif Mahabbah Selangor yang diumumkan pada baru-baru ini.
2. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah mengumumkan khabar gembira ini dengan pemberian sebanyak 3 bulan gaji kepada semua penjawat awam Negeri Selangor. Di mana satu bulan gaji akan dibayar sempena Hari Raya Aidilfitri dan selebihnya akan dibayar berdasarkan pencapaian prestasi yang diperolehi oleh ketua-ketua jabatan pada hujung tahun ini. Untuk makluman semua juga, MPS akan membuat pembayaran pada 31 Mei 2019 ini.
3. Diharapkan dengan pemberian insentif raya ini dapat digunakan sebaiknya oleh staf dengan berhemah untuk persediaan Aidilfitri yang bakal menjelang.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

4. Untuk makluman, sehingga 30 April 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM 46.80 juta (91.77%) daripada RM 51 juta.
5. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 3.77 juta (53.82%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
6. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 5 April 2019. Sebanyak 27,093 keping waran telah dikeluarkan dan 6,152 keping waran telah dihantar sehingga 30 April 2019.
7. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih

di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu

8. MPS turut akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis tersebut. Bagi premis yang tidak diduduki, MPS akan mengambil tindakan melelong premis tersebut bagi menjelaskan tunggakan cukai taksiran selaras dengan seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.
9. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.
10. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

### **LALUAN BATU ARANG - KTM SG.BULOH BAS SMART SELANGOR MPS**

11. Alhamdulillah, satu lagi khabar gembira ingin saya kongsi kepada seluruh warga Selayang mengenai laluan Bas Smart Selangor yang akan mula beroperasi pada 1 Jun 2019 ini.
12. Untuk makluman semua, laluan baru ini dijangkakan mengambil masa lebih kurang 1 jam 30 minit bermula di Batu Arang dan berakhir di stesen KTM Sg.Buloh dengan jarak laluan sepanjang 31.3km.
13. Saya berharap dengan adanya 4 buah bas Smart Selangor ini yang dianggarkan kekerapan selama 40 minit dapat

memudahkan perjalanan warga Selayang disamping mengurangkan bebanan kewangan bagi semua golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana ini.

14. MPS percaya dengan adanya perkhidmatan bas yang akan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 10.00 malam ini dapat membantu meringankan beban trafik di kawasan sekitar.
15. MPS berharap agar orang ramai dapat mengambil peluang memanfaatkan kemudahan yang disediakan secara percuma oleh kerajaan ini dengan sebaik mungkin.

### **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MPS TAHUN 2018**

16. Bagi menghargai jasa dan sumbangan staf, sekali lagi pada tahun ini, MPS akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018. Majlis ini akan diadakan pada 18 Jun 2019 bertempat di Lobi Menara MPS bermula pada jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
17. Pada tahun ini, seramai 88 orang staf MPS dari peringkat sokongan ke pengurusan akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang(APC).
18. Selain itu juga, sebagai tanda penghargaan MPS kepada pesara, staf yang telah berkhidmat lama dan khidmat 25 tahun turut diraikan dengan adanya penyampaian anugerah untuk mereka.
19. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih terus cemerlang dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

## **MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MPS 2019**

20. Seperti tahun-tahun yang sudah, MPS sekali lagi pada tahun ini akan mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat MPS bagi tahun 2019. Majlis ini akan diadakan sejurus selepas Majlis APC di perkarangan Menara MPS bermula jam 12.00 tengah hari sehingga 3.00 petang.
21. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua Ahli Majlis untuk turut hadir bersama-sama memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MPS.

## **MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2019.**

22. Di samping itu juga, saya ingin memanjangkan jemputan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Negeri Selangor kepada tuan puan semua bagi memeriahkan majlis ini. Untuk makluman, majlis ini akan diadakan pada 15 Jun 2019, Sabtu di Tapak Bazarena, Shah Alam.

## **UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 1440H/2019M**

23. Bersempena perayaan Aidilfitri yang bakal kunjung tiba tidak lama lagi, saya ingin berpesan kepada semua Ahli Majlis, pengarah dan staf MPS serta semua warga Selayang yang beragama Islam agar sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan khususnya di jalan raya. Selamat memandu secara berhemah ke kampung masing-masing.

24. Saya turut mendoakan agar sambutan hari raya pada tahun ini, dapat kita semua menyambut dalam suasana penuh gembira dan bahagia.
25. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk memohon kemaafan sekiranya saya ada membuat silap dan salah, mengguris hati tuan puan sepanjang saya menjadi Timbalan yang Dipertua.

Selamat hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh